



**SKIM 'FELLOWSHIP'
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) merupakan IPTA yang menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan mempelawa rakyat Malaysia yang berkelayakan untuk memohon skim 'Fellowship' UMP.

TUJUAN

Mengenalpasti bakal-bakal tenaga pengajar yang berkelayakan untuk ditawarkan biasiswa SLAB/SLAI Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Mereka yang berjaya mendapat tajaan tersebut boleh dipertimbangkan untuk menjawat jawatan pensyarah, sekembalinya mereka daripada pengajian lanjutan (dengan jayanya) di peringkat sarjana atau doktor falsafah.

TERMA DAN SYARAT KELAYAKAN PELANTIKAN

SYARAT LANTIKAN

Pengajian Tempatan

- Ijazah Sarjana Muda dengan kelulusan sekurang-kurangnya Kelas Kedua Tinggi atau CGPA 3.5 ke atas atau Ijazah Sarjana yang diiktiraf.
- Kepujian Bahasa Malaysia diperingkat SPM/MCE.

Pengajian Luar Negara

- Ijazah Sarjana Muda dengan kelulusan sekurang-kurangnya Kelas Kedua Tinggi atau CGPA 3.5 ke atas atau Ijazah Sarjana yang diiktiraf.
- Kepujian Bahasa Malaysia diperingkat SPM/MCE.
- IELTS : 6.5 >
- TOFEL : 580 (Paper-Based), 200 (Computer-Based)

HAD UMUR

- Calon Ijazah Sarjana - tidak melebihi 30 tahun
- Calon Ijazah Kedoktoran – tidak melebihi 45 tahun

**TARAF PELANTIKAN
Pelajar (Felo)**

IKATAN PERJANJIAN

Felo akan terikat untuk berkhidmat dengan UMP bagi tempoh yang berdasarkan kepada dokumen perjanjian yang ditandatangani dan juga jangkamasa yang mana calon telah diluluskan pemindahan ikatan kontrak dari satu Jabatan atau Pinjaman / Dermasiswa / Yayasan ke UMP yang berkuatkuasa mulai tarikh calon melapor diri sebaik sahaja tamat pengajian PhD / Sarjana dengan jayanya.

TEMPOH PENAJAAN

NEGARA	PERINGKAT PENGAJIAN	TEMPOH PENAJAAN
UK	SARJANA	12 bulan
	Ph.D	36 bulan
USA, MALAYSIA LAIN-LAIN NEGARA	SARJANA	18/24 bulan
	Ph.D	36 bulan

PROSES KELULUSAN PERMOHONAN

Semua permohonan untuk mengikuti Skim 'Fellowship' UMP akan dipertimbang dan diluluskan oleh Panel Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia sedia ada dan perlu melalui proses temuduga yang dipengerusikan oleh YH. Naib Canselor.

PEMBAYARAN ELAUN

- Elaun Peribadi akan dibayar oleh Jabatan Bendahari, UMP.
- Elaun-elaun lain yang berkaitan pada kadar bujang akan dibayar oleh KPT (Biasiswa SLAB/SLAI)
- Bagi calon yang membawa keluarga, elaun-elaun serta baki-beza elaun-elaun berkaitan keluarga akan dibayar oleh Jabatan Bendahari, UMP.

Calon perlu memaklumkan kepada pihak universiti sekiranya menerima Biasiswa atau sebarang bentuk bantuan kewangan dari luar semasa pengajian. UMP / KPT hanya membayar kadar perbezaan sekiranya bantuan luar yang diterima kurang daripada kadar biasiswa SLAB/SLAI. Sekiranya Felo tidak melaporkan kepada pihak UMP mengenai perkara ini, tindakan boleh diambil oleh UMP/KPT

**TEMUDUGA
TARIKH : 24 NOVEMBER 2012
TEMPAT: TOKYO**

Calon-calon yang berminat, sila hantar salinan CV kepada alamat seperti di bawah :

**JABATAN PENDAFTAR
Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan, Pahang
(u/p : Unit Perjawatan & Cuti Belajar)**

Phone: +609 549 3239 / 2504 / ext. 8075 Fax: +609 549 9181

E-mail: recruitment@ump.edu.my
Website : www.ump.edu.my
Facebook : [hrmdregistrar.ump@gmail.com](https://www.facebook.com/hrmdregistrar.ump@gmail.com)